

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN  
CHIK [BALIK PULAU]**

**TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dalam memastikan data sulit negara gagal untuk ditembusi oleh mana-mana pihak di samping menerajui transformasi digital.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] pada 15 November 2013 bertujuan untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urus niaga komersial oleh pengguna data supaya tidak disalah guna dan disalah pakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Akta 709 terpakai kepada mana-mana orang yang memproses dan mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi berkenaan dengan transaksi komersial kecuali Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Akta 709 adalah terpakai kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Memandangkan pendekatan sosial, ekonomi dan budaya masyarakat kian berubah berbanding 10 tahun dahulu, maka Akta 709 telah dikaji semula agar selari dengan perubahan dan perkembangan polisi perlindungan data peribadi di peringkat global. Kajian awal bagi semakan semula Akta 709 telah dijalankan pada tahun 2019 dengan penubuhan empat (4) pasukan kerja iaitu:

- i. Pasukan Kerja Industri Perniagaan dan Sektor Kerajaan;
- ii. Pasukan Kerja Penguatkuasaan dan Pematuhan;
- iii. Pasukan Kerja Inovasi dan Teknologi; dan
- iv. Pasukan Kerja Perundangan dan Tadbir Urus.

Setiap pasukan kerja terdiri daripada golongan pakar dan profesional yang berpengalaman luas berkaitan perlindungan data peribadi di dalam industri masing-masing.

Seterusnya, bagi mendapatkan maklum balas semua pihak, satu Kertas Rundingan Awam Bilangan 1 Tahun 2020 bertajuk Semakan Semula Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] telah dimuat naik di laman sesawang [www.pdp.gov.my](http://www.pdp.gov.my) bermula 14 Februari 2020 hingga 28 Mac 2020. Kertas ini telah menerima komen dan cadangan penambahbaikan daripada pelbagai sektor industri, pengguna data, pemproses data, ahli majlis perundangan dan masyarakat umum yang merupakan subjek data.

Terkini, Rang Undang-undang Pindaan Akta 709 sedang dalam proses pemurnian sebelum dimajukan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC). Antara cadangan pindaan yang dibuat termasuk:

- i. Pelantikan Pegawai Perlindungan Data (*Data Protection Officer – DPO*) oleh pengguna data dan pemproses data;
- ii. Meletakkan obligasi terus terhadap Prinsip Keselamatan kepada Pemproses Data;
- iii. Mewajibkan Notifikasi Ketirisan Data (*Data Breach Notification – DBN*);
- iv. Memudahcara Hak Mudah Alih Data (*Data Portability*); dan
- v. Penggantian senarai putih (*whitelist*) dengan senarai hitam (*blacklist*) bagi pemindahan data rentas sempadan.

Bagi maksud keselamatan data sulit Negara dan penembusan sistem keselamatan, memandangkan Akta 709 tidak terpakai untuk Kementerian/ Jabatan Kerajaan, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Agensi Keselamatan Siber Negara (*National Cyber Security Agency – NACSA*) yang telah ditubuhkan pada 1 Februari 2017 sebagai satu agensi pusat khusus di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang bertanggungjawab ke atas semua aspek keselamatan siber Negara.